
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

RMK 360 – Undang-Undang Pentadbiran II

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja : **SATU** dari **BAHAGIAN A** dan **TIGA** dari **BAHAGIAN B**.

Bahagian A: (Jawab **SATU** soalan sahaja daripada bahagian ini).

1. Bincangkan peranan dan tanggungjawab pemaju perumahan berdasarkan Surat Perjanjian Jual Beli. Bolehkah konsep bina dan jual (build & sell) mengatasi masalah jualan dan pembelian rumah?

(25 markah)

2. (a) Jalan raya menjadi nadi utama dalam pembangunan negara masa kini. Huraikan dengan ringkas peruntukan yang berkenaan dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang boleh menjamin kegunaan jalan raya dengan lebih selamat dan sempurna dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

(10 markah)

- (b) Usaha giat dijalankan oleh Kerajaan bagi menjamin keselamatan pengguna-pengguna jalan raya. Namun demikian kadar kemalangan dan kematian jalan raya meningkat setiap tahun. Dari tahun 1990 hingga Jun 1995 terdapat 27,683 kematian bersabit Kemalangan Jalan Raya. Bolehkah amalan prinsip ugama Islam iaitu Al-Masalih Al-Mursalah dan Al-Siyasah Al-Shar'iyah mengatasi gejala tersebut?

(15 markah)

Bahagian B: (Jawab mana-mana **TIGA** soalan daripada bahagian ini).

3. Seseorang pegawai awam atau pihak berkuasa awam melakukan sesuatu tindakan adalah berdasarkan "kuasa" yang diberikan undang-undang kepadanya. Kuasa yang ada itu pula boleh "diturunkan" kepada orang atau pihak lain tertakluk kepada beberapa had dan syarat. Selanjutnya semasa melaksanakan kuasa, pegawai awam atau pihak yang diturunkan kuasa itu tidak boleh "melampaui kuasa". Bincangkan mengenai tiga perkara di atas.

(25 markah)

4. Berdasarkan senario tugas-tugas dan kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masa kini, nampaknya PBT bergerak seolah-olah sebuah kerajaan tersendiri dan sebab itulah digelar "Kerajaan Tempatan". Bincangkan kenyataan ini daripada perspektif pentadbiran dan kuasa PBT.

(25 markah)

5. Bincangkan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai Pihak Berkuasa Perancangan (PBP).

(25 markah)

6. Adakah jelas Pentadbir Tanah memainkan peranan penting bagi memastikan kehendak keadilan asasi dipatuhi dalam semua kes melibatkan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Huraikan kenyataan ini.

(25 markah)